Kupasan dan Ulasan

Memperkatakan khutbah Jumaat di Mesir dan di Tanah Melayu

(Oleh: Abhi Perak – Kaherah)

Khutbah atau pidato ialah satu alat yang besar sekali pengaruhnya dalam membina dan memperbaiki satu-satu masyarakat, dalam menegakkan dan menerangkan ajaran-ajaran Islam, politik, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Untuk menerangkan satu-satu hakikat yang tersembunyi kepada ramai adalah berhajat kepada pidato.

Nabi Muhammad *ṣallā Allāh 'alayhi wa sallam* yang membawa agama Islam ke alam buana ini ialah ahli pidato yang ulung. Dari pidato Nabi Muhammad tertawanlah hati kaum jāhiliyyah – mushrikīn. Nabi Muḥammad berpidato di mana sahaja ada perkumpulan ramai: di masjid, di majlis-majlis ramai dan juga di medan-medan perang. Pada permulaan turunnya wahyu, mulalah Nabi Muhammad menyeru kaumnya sedikit demi sedikit ke arah mengenal ajaran Islam, tetapi seruannya di waktu itu tidaklah berterus-terang malah secara rahsia dan bersulit, kerana kaum jāhiliyyah itu tidak mungkin ditentang secara berterang-terang dan dengan kekerasan.

Tetapi manakala sahaja turun perintah dari Tuhan menyuruh baginda menyiarkan Islam dengan berterus terang maka dari saat itu mulalah Nabi Muḥammad keluar berpidato ke tengah-tengah masyarakat *Quraisy*, berkumandanglah suara Nabi Muhammad di Mekah, dari kesan-kesan pidato Nabi Muhammad banyak sekali kaum jāhiliyyah menganut agama Islam dan mana-mana yang dahulunya unggul akhirnya telah tunduk mengikut ajaran-ajaran Islam.

Nabi Muhammad terus berpidato terutama pada hari Jumaat dan pada Hari Raya. Bukan sahaja terhad kepada kaum lelaki, malah kepada kaum perempuan juga. Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Bukhāri dari ibn 'Abbās ada menyatakan "saya keluar berserta Nabi pada Hari Raya Fiṭrah atau Aḍḥa maka Nabi pun bersembahyang kemudian berkhutbah dan kemudian Nabi pun datang kepada kaum perempuan memberi pidato yang berupa nasihat, teguran dan menyuruh supaya sampai mereka suka berderma".

Pidato dalam Islam adalah bersemangat tidak berselindung dalam memperkatakan satu-satu yang ḥaqq, tidak takut mengatakan yang benar.

Nabi Muhammad pernah disifatkan oleh Jābir bin 'Abd Allāh, katanya "apabila Rasulullah *ṣallā 'alayhi wa sallam* berpidato merahlah kedua matanya dan keras suaranya dan bersangatan mukanya."

Berkhutbah bukanlah satu perkara yang boleh dipandang ringan, malah hendaklah dipelajari bersungguh-sungguh supaya betul-betul menjadi ahli pidato sebagaimana yang dikehendaki oleh junjungan kita.

Kiyai 'Abd Allāh Shāfi'ī pernah menegaskan di dalam

pidatonya berbunyi "sifat seseorang khatib (ahli pidato) agama ini hendaklah sama dengan sifat seorang panglima, janganlah seperti sifat-sifat kebanyakan khatib di masjid sekarang ini yang selalu lembik tak berdaya hingga menjadikan para pendengarnya mengantuk".

Khutbah Jumaat di Mesir

Setiap menjelang hari Jumaat saya berpeluang mendengar pidato-pidato atau khutbah-khutbah yang diberikan oleh khatib di Mesir. Dari itu saya di Mesir tidak sembahyang Jumaat setempat malah dari satu masjid ke satu masjid yang berada di bandar Kaherah ini, maka di sana saya berpeluang meninjau dan mendengar khutbah-khutbah dalam bahasa Arab yang diberikan oleh khatib-khatib itu yang tidak hanya berpusing-pusing di sekitar membicarakan ibadah yang tertentu, malah khutbah Jumaat di sana memang merupakan khutbah Jumaat yang dikehendaki dalam Islam yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat dan masa hari ini.

Apa yang sedang berlaku di dunia hari ini tidak ketinggalan disebut di dalam khutbah Jumaat di Mesir - bahayanya Yahudi Israel kepada bangsa Arab, apa yang perlaku di antara Iran dengan Israel juga ditentang bebat[1] di dalam khutbah Jumaat. Sejarah umat-umat yang dahulu, harjuangan-harjuangan[2] Nabi Muhammad, perjuangan-perjuangan sahabat da[3] pahlawan-pahlawan Islam dalam zaman yang silam, keruntuhan akhlak dan lain-lainnya.

Pendek kata, khutbah Jumaat di Mesir hari ini adalah mengambil peranan yang besar dalam menuju perbaikkan masyarakat Islam – tidak sahaja membicarakan di sekitar persoalan ibadat atau mencukupkan rukun khutbah itu.

Khutbah Jumaat di Tanah Melayu

Sebagaimana termaklum khutbah Jumaat di Tanah Melayu ini belum begitu diambil perhatian sangat oleh alim ulama kita. Dua pertiga khutbah di Tanah Melayu masih terbatas dalam membicarakan di sekitar ibadat, seperti sembahyang, puasa, zakat sahaja – terutama di kampung-kampung khutbah yang dibacakan oleh tok-tok imam tidak ada langsung membicarakan soal-soal perbaikkan masyarakat – tidak ada langsung menyentuh soal ekonomi, politik dan negara. Kerana kebanyakan tok-tok imam di tanah air kita berpendapat soal dunia tak boleh dicampurkan dalam khutbah Jumaat, ini adalah satu pendapat yang salah.

Orang-orang muda kita masih terbiar, kerana jiwa mereka tidak diseru, tidak diisi dengan semangat Islam, jiwa mereka adalah kosong daripada penerangan agama yang berjiwa baharu. Hakikat ini wajiblah disedari oleh alim ulama di tanah air dengan seberapa segeranya.

Tiap-tiap hari Jumaat umat Islam yang mempunyai cukup syarat ber-Jumaat adalah diwajibkan berhimpun di rumah Tuhan (masjid) dalam keadaan yang bersih, suci untuk menunaikan fardu Jumaat. Hari Jumaat ialah hari perhimpunan orang-orang Islam, hari perjumpaan di antara satu sama lain, antara sesama sekampung dan sejiran tetangga. Hari yang memberi peluang kepada umat Islam untuk membincangkan satu-satu kesulitan untuk memperbaiki masyarakat sekampung, seterusnya negara, untuk menerima nasihat-nasihat dan penerangan-penerangan dihamburkan oleh khatib dari atas mimbar masjid.

Itulah tujuan besar diwujudkan sembahyang Jumaat dengan khutbahnya sekali.

[1] perkataan yang tepat adalah hebat
[2] perkataan yang tepat adalah perjuangan-perjuangan
[3] perkataan yang tepat adalah dan

Khutbah yang ada tak lebih daripada menyeru (takutlah kamu kepada Allah) dengan tidak menerangkan apa hakikat taqwa!? Bagaimana yang dikehendaki dengan taqwa!? Pada hal nun di sana masih ramai bilangan orang-orang Islam yang menjauhkan diri dari masjid, masih banyak pemuda-pemuda yang liar berkunjung ke masjid, mereka ini berhajatlah kepada penyeru-penyeru yang bijak yang boleh menawan hati mereka mengajak sama takutkan Allah – (menjunjung perintahnya).

Kini tanah air kita telah pun merdeka, juga agama Islam telah dirasmikan, maka sudah sewajibnya alim ulama di tanah air memandang berat soal penerangan agama Islam melalui khutbah Jumaat, dengan menyusun khutbah Jumaat yang bersesuaian dengan bangsa Melayu dan masyarakat Melayu hari ini.

Andai kata langkah lama juga! Kalau tuan-tuan khatib-khatib masih juga membaca khutbah yang tak berjiwa maka bererti bukan akan meramaikan masjid malah manusia akan liar datang ke masjid, manusia akan jemu mendampingkan dirinya dengan rumah ibadat.

Hakikat ini wajiblah disedari bersama-sama.

Suatu pemandangan dalam perarakan kaum Muslimin Singapura kerana menyambut Hari Maulid Nabi. Di sebelah kiri kelihatan pasukan ḥaḍrah Kampung Kapur.